

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

SOALAN

Minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk menyelesaikan masalah bekalan air bersih yang masih belum diselesaikan di sebahagian Daerah Sik khususnya dan umumnya di negeri Kedah melalui pelaksanaan oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara spesifiknya bekalan air bersih bagi Daerah Sik dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) melalui Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) dan dilaksanakan oleh Syarikat Air Darul Aman (SADA). Tiada penglibatan terus Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dalam hal ini.
2. Bagi perancangan keseluruhan bekalan air di Negeri Kedah, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan Projek Naiktaraf Loji Rawatan Air di bawah *Rolling Plan 4*, Rancangan Malaysia Kesebelas (RP4, RMKe11) melibatkan peruntukan lebih RM1.1 bilion. Kesemua projek ini kini dalam proses akhir perolehan dan dijangka dapat ditender pada Oktober 2019. Agensi pelaksana ialah SADA.

NO. SOALAN : 59

3. Dalam pada itu, Kementerian ini juga prihatin akan keperluan air bersih secara khusus di Langkawi. Oleh itu, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM600 juta untuk pembinaan *Off River Storage* (ORS) Langkawi dan RM44.7 juta bagi Program Pengurangan Kadar Air Tidak Terhasil (NRW) di Langkawi bagi pelaksanaan pelbagai projek bekalan air dalam menyokong Langkawi sebagai destinasi pelancongan terkenal negara.

Sekian, terima kasih.